

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, July 2, 2019 4:40 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Siap Siaga Dengan Set Kemahiran Urus Pekerjaan Berkesan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

2 JULAI 2019 / 28 SYAWAL 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Abdul Halim Husain

SIAP SIAGA DENGAN SET KEMAHIRAN URUS PEKERJAAN BERKESAN



UUM ONLINE: Seiring dengan perubahan landskap pendidikan yang berubah, pengurus universiti diingatkan untuk siap siaga dengan kemahiran yang pelbagai.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad berkata, set kemahiran itu adalah bagi memudahkan pengurusan pekerjaan yang lebih berkesan.

Menurutnya, semua sedia maklum bahawa bukan sahaja universiti di Malaysia, malah seluruh dunia kini mendepani cabaran yang timbul akibat persekitaran berubah dengan pantas.

"Perubahan ini adalah dari aspek demografik, teknologi, politik dan paling ketara sekali adalah peruntukan kewangan.

"Justeru, saya berharap MyIDC dapat dimanfaatkan untuk mencipta peluang baharu dan dapat menyokong kelestarian pembangunan ilmu dan insan," katanya pada Majlis Makan

Malam International Deans' Course Malaysian Chapter (MyIDC) di EDC Hotels & Resorts, semalam.

Beliau yang mewakili Naib Canselor turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang telah memberi kepercayaan kepada UUM bagi mengelolakan MyIDC Fasa 1 bermula dari 30 Jun hingga 11 Julai.

MyIDC merupakan inisiatif yang diteraju oleh sekumpulan dekan dan mantan dekan IPT di Malaysia yang telah mengikuti International Deans' Course bagi Asia Tenggara sejak 10 tahun lalu.

Program ini dianjurkan secara bersama oleh AKEPT dan UPM bertujuan memenuhi tuntutan pembangunan pengetahuan dan kemahiran dekan di IPT di Malaysia sebagai usaha memenuhi hasrat ekosistem pengajian tinggi yang dinamik.

MyIDC terbahagi kepada tiga fasa yang dikelolakan oleh IPT yang berbeza iaitu Fasa 1: Latihan dan seminar di Kedah; Fasa 2: Latihan dan seminar di Melaka; Fasa 3: Latihan dan seminar di AKEPT dan Kolokium MyIDC di AKEPT.

Hadir sama Ketua Program MyIDC 2018-2019, Prof. Dr. Mohd. Basyaruddin Abdul Rahman dan Pengarah AKEPT, Prof. Dr. Nordin Yahaya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.